



# 16,612 pegawai, anggota ATM siap siaga hadapi banjir

Oleh [Asrol Awang](#) - Oktober 18, 2022 @ 7:21pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUANTAN: Seramai 16,612 pegawai dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah bersiap siaga bagi menghadapi banjir, khususnya di 5,496 lokasi hotspot (kawasan panas) banjir di seluruh negara.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata selain itu, sebanyak 1,102 trak satu tan hingga tujuh tan, 251 unit bot, 295 unit enjin bot dan 5,573 jaket keselamatan disediakan bagi membantu operasi menyelamatkan mangsa banjir.

Beliau berkata, pegawai dan anggota serta aset ATM itu bersedia untuk digerakkan pada bila-bila masa.

"Daripada jumlah ini, kira-kira 146 pegawai dan 4,155 anggota lain-lain pangkat (LLP) akan bertindak sebagai pasukan responder (tindak balas) pertama.

"Pasukan ini akan melaksanakan kerja menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir ke pusat pemindahan sementara (PPS) secepat mungkin," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Aset Banjir Kementerian Pertahanan di Pangkalan Udara Kuantan, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Selain itu, Hishammuddin berkata, misi bantuan Operasi Murni (OP MURNI) akan dilaksanakan di lokasi terjejas banjir jika ada keperluan.

Di samping itu, beliau berkata, pasukan perubatan ATM juga akan memberi bantuan perubatan di PPS.

"Pada masa sama, ATM merancang koordinasi bantuan pesawat udara, memastikan hospital dan pusat perubatan ATM sentiasa dalam keadaan siap siaga, termasuk Hospital Medan.

"ATM turut melaksanakan operasi menghantar barang keperluan ke PPS serta kawasan yang terputus hubungan jalan darat serta memasak di PPS," katanya.

Hishammuddin berkata, kementerian itu turut mengikuti secara rapat dan memandang serius laporan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berhubung kemungkinan

negara akan mengalami hujan lebat berterusan, yang boleh menyebabkan banjir mulai pertengahan bulan depan.

"Sehubungan itu, sejak September lalu, saya sudah mengarahkan Panglima Angkatan Tentera dan Panglima Perkhidmatan untuk memastikan kesiapsiagaan anggota ATM terutama di negeri berisiko terjejas berada pada tahap tertinggi," katanya.



Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, melihat aset ATM yang akan digunakan bagi membantu mangsa banjir. - Foto NSTP/ASROL AWANG